

Dr M puas hati pilihan perwakilan

BH 13 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pemilihan Naib Presiden dan anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno menggambarkan perwakilan mahu gabungan muka baru dan lama.


Presiden Umno itu berkata, ada daripada muka lama mendapat undi yang banyak walaupun undi tertinggi diperolehi oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Rustam.

“Ia menggambarkan apa yang perwakilan mahu. Mereka memilih muka lama, muka baru dan mereka yang bersama parti,” katanya pada sidang akhbar selepas Perhimpunan Agung Umno hari kedua ditangguhkan, petang ini.

Ditanya mengenai pemilihan bekas Ketua Pegerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Perdana Menteri berkata:

“Zahid sudah membuat penjelasan yang dia digunakan oleh (Datuk Seri) Anwar (Ibrahim) untuk membuat dakwaan terhadap kerajaan.

“Sekarang dia (Zahid) sudah 100 peratus bersama parti dan mungkin sebab itu dia dipilih sebagai anggota MT.”



PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-54

Dr Mahathir berkata, pemilihan anggota MT yang menggabungkan muka baru dan lama itu juga adalah tradisi parti dan beliau berpuas hati dengan pemilihan berkenaan.

Dalam pemilihan semalam, tujuh muka baru dipilih termasuk Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh; Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin; Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr Helmi Yahya; Timbalan Ketua Menteri Sahah, Datuk Lajim Okin; Ahli Parlimen Rompin, Datuk Dr Jamaludin Jarjis dan Pengerusi Bank Simpanan Nasional, Datuk Abdul Azim Zabidi.

Perdana Menteri berkata,

setakat ini beliau tidak ada tindakan berhubung politik wang terhadap Naib Presiden yang dipilih semalam.

Dalam pemilihan semalam, penyandang jawatan, Datuk Seri Najib Tun Razak serta Tan Sri Muhammad Muhd Taib dipilih semula bersama Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.

“Saya tidak boleh mengambil tindakan terhadap seseorang berdasarkan dakwaan saja tanpa sebarang bukti yang kukuh,” katanya.

Dr Mahathir berkata, pemilihan ketiga-tiga naib presiden itu bukan disebabkan perwakilan memilih calon yang dipilih Umno bahagian Kubang Pasu dan pemilihan mereka mungkin secara kebetulan.

Mengenai saranan wakil Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, yang meminta kerajaan mengukuhkan parti, Dr Mahathir berkata, cadangan itu perlu dikaji terlebih dahulu.

“Kadang-kadang bila kita kaji secara mendalam kita dapati boleh dilaksanakan atau sebaliknya. Sebab itu kita tidak boleh beri keputusan pada waktu ini,” katanya.